



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 28 DISEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	BOT GUNA KRU MYANMAR DUTAHAN, NEGARA, KOSMO -18 11 NELAYAN CEROBOH PERAIRAN DITAHAN, NEGARA, KOSMO -12 11 WARGA ASING DITAHAN CEROBOH PERAIRAN DEKAT PULAU KENDI, LOKAL, HM -20	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	BEKAS GURU USAHAKAN NURSERI HERBA, BISNES, SH -31	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5. 6.	SMART SBB BERNAS, PESAWAH KOTA BELUD TINGKAT HASIL TUAI, NEGARA, KOSMO -7 SMART SBB BERI SINAR KEPADA PESAWAH KOTA BELUD, DALAM NEGERI, UM -10	KAWASAN PERTANIAN PEMBANGUNAN BERSEPADU (IADA)
7. 8. 9.	BEKALAN TELUR DI TERENGGANU MASIH KURANG, NASIONAL, BH -8 NAIK HARGA TAK SELESAI ISU TELUR, DALAM NEGERI, UM -6 TIADA MONOPOLI TELUR AYAM IMPORT, LOKAL, HM -18	LAIN-LAIN

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Bot guna kru Myanmar ditahan

BAGAN SERAI - Tembelang nelayan tempatan yang menggunakan khidmat tiga kru warga Myanmar terbongkar apabila diserbu Maritim Malaysia (APMM) di Kuala Kurau di sini kelmarin.

Serbuan pada pukul 1.15 petang itu dilakukan selepas pihak berkuasa melihat bot itu dalam keadaan mencurigakan.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kurau, Komander Maritim Mohd. Najhan Azman Hamid berkata, pemeriksaan menemui tiga kru Myanmar berusia antara 29 hingga 35 tahun yang tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah.

"Bot itu mempunyai lesen tetapi tidak diusahakan oleh pemiliknya. Tekong juga gagal mengemukakan dokumen kebenaran penggunaan kru warga asing oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya.

Menurut Mohd. Najhan, pihaknya turut merampas hampir 300 kilogram ikan di dalam bot tersebut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 6 (1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.

11 nelayan ceroboh perairan ditahan

GEORGE TOWN – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Pulau Pinang menahan 11 nelayan asing secara berasingan di perairan negeri ini baru-baru ini.

Pengarah Maritim negeri, Kepten Maritim Abd. Razak Mohamed berkata, mereka ditahan kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah dan permit kerja.

Tangkapan pertama dibuat pada kedudukan 25 kilometer dari barat Pulau Kendi pada 22 Disember lalu. Pemeriksaan mendapati bot itu dikendalikan tiga warga Myanmar dan dua warga Thailand berusia 19 hingga 52 tahun.

"Kita turut menahan sebuah bot nelayan Indonesia pada 24 Disember lalu dalam rondaan Ops Tanjung. Bot berpangkalan di Belawan, Indonesia itu

dikendalikan enam kru warga Indonesia berusia 24 hingga 42 tahun.

"Mereka juga gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri dan permit menangkap ikan di perairan Malaysia," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Kesemua tahanan melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63. Bot dan kesemua kru ditahan dibawa di Jeti Limbongan Batu Maung untuk siasatan lanjut.

Tambahnya, Maritim Malaysia tidak akan berkompromi dan menegaskan agar semua komuniti nelayan tempatan termasuk pemilik bot agar mematuhi peraturan bagi memastikan perairan negara sentiasa terkawal daripada pencerobohan bot nelayan asing.



SEBAHAGIAN nelayan warga asing yang ditahan kerana menceroboh perairan Pulau Pinang baru-baru ini.

11 warga asing ditahan ceroboh perairan dekat Pulau Kendi

Georgetown: Sebelas warga asing ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang dalam dua operasi berasingan pada Khamis dan Sabtu lalu berhampiran Pulau Kendi, di sini.

Dalam Op Tanjung itu, bot dan semua mereka ditahan berikutan kesalahan tiada dokumen perjalanan yang sah, menangkap ikan tanpa permit dan tiada permit menggaji warga asing.

Pengarah APMM Negeri, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, terdahulu pada 22 Disember, pihaknya menahan bot nelayan tempatan yang dikendalikan lima kru warga asing berke-naan.

Katanya, mereka ditahan pada kedudukan 14 batu nautika barat Pulau Kendi jam 4.17 petang.

"Pemeriksaan mendapati bot nelayan terbabit dikendalikan lima kru pendarang asing tanpa izin (Pati) terdiri daripada tiga warga Myanmar dan dua Thailand yang masing-masing berusia antara 19 hingga 52 tahun.

"Mereka tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah serta permit bekerja manakala bot nelayan tempatan itu didapati ber-

"Semua mereka gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri dan permit menangkap ikan di perairan Malaysia," katanya lagi.

Mereka melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63 iaitu menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa permit daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia serta tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan diri yang sah.

Menurut Abd Razak, kedua-dua bot dan kru yang ditahan dibawa ke Jeti Limbongan Batu Maung sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat.

"APMM tidak akan berkompromi dan menegaskan supaya semua komuniti nelayan tempatan termasuk pemilik bot mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi memastikan perairan negara sentiasa terkawal dari isu pencerobohan bot nelayan asing," katanya.

Orang ramai yang mempunyai aduan salah laku jenayah maritim atau kece-masan di laut boleh segera hubungi talian hotline Pusat Operasi Maritim Negeri Pulau Pinang di talian 04-2626146 atau talian kecemasan MERS 999.



APMM menahan warga asing dalam dua operasi berhampiran Pulau Kendi, Georgetown.

permit menggajikan warga asing daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia serta tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan diri yang sah.

Sementara itu, dalam operasi kedua pada 24 Disember lalu, Abd Razak berkata, pihaknya menahan sebuah bot nelayan Indonesia pada kedudukan 52 batu nautika barat daya Pulau Kendi jam 12.10 tengah hari.

"Hasil pemeriksaan ke atas bot nelayan yang berpangkalan di Belawan, Indonesia itu mendapati ia dikendalikan enam kru warga berke-naan berusia antara 24 hingga 42 tahun.

Bekas guru usahakan nurseri herba

Sambutan pelanggan amat menggalakkan ekoran kesedaran mengenai tujuan perubatan, kesihatan

Oleh ROSILAWATI ROSEDI
JERANTUT

Minat pada tanaman herba membuatkan seorang pesara guru membuka nurseri yang khusus untuk tanaman tersebut sejak 2004 hingga kini.

Bekas Guru Penolong Kanan Sekolah Kebangsaan (SK) Jerantut, Mohamed Roselan Ab Malek, 62, itu melebarkan sayap menerusi Serasi Lestari Rimba Enterprise yang terletak di Kilometer 7, Kampung Temin di sini dengan mengusahakan nurseri khusus tanaman herba ubatan, ulam-ulaman serta pokok hiasan.

Menurutnya, minat dalam bidang tersebut sejak kecil lagi mendorong beliau yang juga usahawan bimbingan Lembaga Pemasaran Pertanian



Roselan aktif menyertai MAHA sejak tahun 2004 dan terbaharu pada tahun ini iaitu pada bulan Ogos lalu.

Persekutuan (FAMA) membenarkan diri membuka nurseri selain mendapat sokongan padu daripada keluarga.

Untuk memastikan nurseri diusahakan berjaya, beliau menyertai pelbagai kursus selain menggunakan pengalaman sedia ada.

"Kini, selepas bersara sejak 2016, saya dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap nurseri ini.

"Saya memilih fokus untuk tanaman sebegini kerana selalunya orang membuka nurseri untuk bunga.



Pengunjung tidak melepaskan peluang mendapatkan tanaman pilihan tidak kira sama ada untuk tujuan perubatan atau hiasan di rumah.

dan ulaman seperti tenggek bukung, gajus, bebuar, beluntas dan serai kayu," jelas Roselan lagi.

Dalam pada itu, beliau memberitahu selain pasaran kepada individu, ia juga turut mendapat perhatian banyak pihak.

"Antaranya, sekolah dan jabatan kerajaan yang minat buat taman herba termasuk pusat pengajian tinggi.

"Cuma, saya akui terdapat saingan sejak kebelakangan ini kerana makin ramai yang mengusahakan nurseri khusus herba seperti saya usahakan," akui beliau yang mendapat pelanggannya dari seluruh negara.

Jelas Roselan, beliau juga aktif menyertai Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA) sejak 2004 hingga kini.

"Terbaharu, saya menyertai MAHA 2022 di Taman Expo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang pada tahun ini.

"Saya juga berharap orang ramai berminat dengan pokok herba kerana ia mempunyai khasiat tertentu yg boleh mengubati penyakit.

"Banyak kajian moden membuktikan. Selain berkhasiat ia juga sesuai untuk dijadikan pokok hiasan di rumah," katanya.

SMART SBB Bernas, pesawah Kota Belud tingkat hasil tuai

PETALING JAYA - Seramai 40 pesawah di Kampung Jawi-Jawi, Kota Belud, Sabah menyambut akhir tahun 2022 dengan seriu-man apabila hasil tuaian padi mereka meningkat lebih 60 peratus.

Pesawah di bawah program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Bernas di Kota Belud telah menjangkau sasaran mereka apabila tuaian padi untuk musim pertama di Blok 3 dan 4, Kampung Jawi-Jawi mencatat peningkatan dari 2.60 tan metrik ke-pada 4.15 tan met-



KETUA Jabatan Pengurusan Ladang Bernas, Azman Md. Azhar dan Pengarah IADA Kota Belud, Morfaine Samean turun padang bersama para peserta SMART SBB untuk melihat perkembangan projek di Kampung Jawi-Jawi, Kota Belud.

rik sehektar.

Penyelia SMART SBB Kampung Jawi-Jawi, Rajumin Jamrin berkata, program SMART SBB telah bermula pada 12 Mei 2022 yang lalu.

Katanya, program itu merupakan hasil usahasama Bernas bersama Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah serta agensi kerajaan lain seperti Kawasan Pertanian Pembangunan Bersepadu (IADA) Kota Belud, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pertubuhan Peladang Kawasan, Jabatan Pertanian Sabah dan lain-lain.

"Peserta program ini menyakan rasa gembira dan syukur

atas perolehan hasil yang sebenarnya melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 4.00 tan metrik sehektar.

"Sawah seluas 42.34 hektar di sini telah ditanam dengan varieti padi TR8. Proses pemuatan padi telah bermula pada 5 September 2022 dengan jumlah hasil bersih sekitar 176 tan metrik atau purata hasil sekitar 4.15 tan metrik sehektar," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Kata Rajumin lagi, para pesawah pada awalnya kurang yakin dengan program SMART SBB, namun setelah dicuba dan dilihat hasilnya, ramai yang mula tampil m



PEGAWAI Bernas, Mohd. Shaahairul bersama Rajumin (kiri) sedang meninjau keadaan sawah padi yang dibangunkan di Blok 3 dan 4, Kampung Jawi-Jawi, Kota Belud.

28/12/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

10

SMART SBB beri sinar kepada pesawah Kota Belud

KOTA BELUD: Seramai 40 pesawah di Kampung Jawi-Jawi di sini menyambut akhir tahun 2022 dengan penyuman apabila hasil tuai padi mereka meningkat lebih 60 peratus.

Pesawah di bawah program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Bernas di Kota Belud, Sabah ini telah menjangkau sasaran mereka apabila tuai padi untuk musim pertama di Blok 3 dan 4, Kampung Jawi-Jawi mencatat peningkatan dari 2.60 tan metrik kepada 4.15 tan metrik sehektar.

Program SMART SBB bagi musim 1/2022 di kawasan ini telah bermula pada 12 Mei 2022 yang lalu merupakan hasil usaha sama Bernas bersama Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah serta agensi kerajaan lain seperti Kawasan Pertanian Pembangunan Bersepadu (IADA) Kota Belud, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pertubuhan Peladang Kawasan, Jabatan Pertanian Sabah dan lain-lain.

Penyelia SMART SBB Kampung Jawi-Jawi, Rajumin Jamrin berkata, peserta program ini gembira dan syukur atas perolehan hasil sebenarnya melebihi



KETUA Jabatan Pengurusan Ladang Bernas, Azman Md. Azhar (tengah) dan Pengarah IADA Kota Belud, Norfaine Sameun (kiri) turun padang bersama Rajumin Jamrin (dua dari kiri) serta para peserta SMART SBB untuk melihat perkembangan projek di Kampung Jawi-Jawi, Kota Belud.

sasaran yang ditetapkan iaitu 4.00 tan metrik sehektar.

“Sawah seluas 42.34 hektar di sini telah ditanam dengan varieti padi TR8. Proses penuaian padi bermula 5 September 2022 dengan jumlah hasil bersih sekitar 176 tan metrik atau purata

hasilnya, ramai mula tampil menunjukkan minat untuk menyertai program ini.

Katanya, kini setelah masuk musim ke-2, mereka secara sukarela mula mengikuti kaedah penanaman yang disarankan oleh Bernas dan agensi-agensi yang terlibat.

Selain itu, tambahnya, kumpulan jentera membajak dan menuai yang dahulunya sukar diperolehi di kawasan ini, kini telah dibekalkan oleh Bernas.

“Ja telah memberikan kesesuaian kepada para pesawah di samping menjimatkan masa dan tenaga mereka.

“Ini semua pasti akan tercapai jika peserta program mempunyai disiplin dan usaha yang berterusan, insya Allah,” ujar Rajumin.

Peserta muda, Hisham Stu yang pertama kali mengusahakan sawah amat berpuas hati dengan pulangan yang diterimanya.

“Sebelum ini, saya memperoleh pulangan bersih hasil tuai sawah sekitar RM2,000 semusim. Alhamdulillah setelah menyertai SMART SBB bersama Bernas, ia meningkat kepada RM6,000.”

“Selain itu, kerja-kerja yang dahulunya berat dan berbahaya kini menjadi lebih mudah, dirancang dan selamat dengan adanya teknologi seperti drone untuk membaja dan meracun dan agensi-agensi lain banyak membantu kami memahami cara menanam padi dengan lebih efisien,” katanya.

Pencapaian ini ternyata membolehkan para pesawah di sini membayar balik kos operasi mereka, selain menikmati lebih pendapatan.

Manakala seorang lagi peserta SMART SBB, Duli Okoi menyatakan perasaan amat berpuas hati dengan hasil dan pendapatan yang diperolehinya bagi musim ini.

“Pematuhan kepada jadual kerja ladang yang teratur dan aktiviti pengurusan ladang yang dilakukan secara bersepadu telah membuahkan hasil yang cukup ketara.

“Kepada para pesawah di Kampung Jawi-Jawi yang masih belum menyertai Program SMART SBB, sertailah kami di musim-musim akan datang,” katanya.

Bekalan telur di Terengganu masih kurang

Kuala Terengganu: Bekalan telur ayam di negeri ini masih tidak mampu untuk menampung permintaan pengguna.

Tinjauan di dua syarikat pemborong di Cabang Tiga dan di Jalan Sultan Sulaiman, di sini, mendapati hanya 2,000 papan mengandungi kira-kira 60,000 biji telur ayam pelbagai saiz diperolehi daripada pengeluar.

Beberapa lagi syarikat pemborong, termasuk berhampiran Pasar Cabang Tiga, di sini hanya memperoleh bekalan sebanyak 5,000 papan mengandungi 150,000 biji, Khamis lalu.

Tinjauan di dua cawangan syarikat pemborong, yang menjual secara runcit mendapati, orang ramai terutama peniaga kedai makan beratur panjang seawal 8.30 pagi untuk mendapatkan bekalan.

Syarikat pemborong itu menghasilkan jualan hanya 10 papan mengandungi 300 telur untuk setiap pengguna.

Ketika tinjauan, terdetus pertengkaran mulut antara pekerja syarikat pemborong dan pengguna yang beratur di ba-

iknya sebelum mengambil keputusan untuk turut sama beratur. Bagaimanapun, katanya, pekerja syarikat pemborong itu hanya berdiam diri walaupun ketika itu lebih 200 pengguna sedang beratur untuk mendapatkan bekalan.

"Kita mengambil masa lebih setengah jam beratur, tetapi apabila tiba giliran, pekerja syarikat pemborong itu memaklumkan bekalan telur habis," katanya.

Sementara itu, Pengurus Syarikat Bigpoly Supplies, Fuan Chai Feng, berkata kali terakhir syarikatnya menerima bekalan sebanyak 3,500 papan mengandungi 105,000 telur, pada Khamis lalu.

Katanya, bekalan diperolehi itu diagihkan kepada tiga cawangan syarikatnya iaitu di Cabang Tiga, Gong Badak dan di Jalan Sulaiman.

"Kita dimaklumkan, bekalan telur ayam di tiga cawangan itu habis dalam tempoh empat jam," katanya sambil memaklumkan beliau menerima maklumat daripada pengeluar bila bekalan baharu akan diterima.



Pekerja syarikat pemborong melayani permintaan orang ramai untuk membeli telur ayam di Cabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam. (Foto Baharom Bakar/BHT)

pengguna mendapat bekalan.

Abdullah Tahir, 59, dari Bukit Besar, berkata beliau sudah bertanya sama ada bekalan telur masih mencukupi atau seballi-

minit hingga 45 minit.

Pengguna turut berpendapat, jualan daripada 10 papan perlu dikurangkan kepada lima papan bagi membolehkan lebih ramai

risan belakang apabila bekalan telur sebanyak 2,000 papan kehabisan sebelum tiba giliran pengguna terbabit, sedangkan mereka sudah beratur selama 30

28/12/2022

UTUSAN

DALAM

6

MALAYSIA

NEGERI

Sekat eksport ke Singapura, basmi kartel dalam industri temakan

Naik harga tak selesai isu telur

Oleh FAHIMI FAIZ

fahimi.faz@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan digesa tidak menaikkan harga telur kononnya bagi menyelesaikan masalah kekurangan bekalan di pasaran yang terus meruncing.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, sumber industri telur berkata, langkah menaikkan harga telur bukan hanya menjejaskan imej kerajaan, malah bakal memberi kesan jangka panjang terhadap hadap kebajikan rakyat yang sedang terkesan dengan peningkatan harga hampir semua barang keperluan asas.

Sumber yang turut terlibat dalam eksport dan import telur ayam itu berkata, masalah bekalan telur yang terus mencetuskan rungutan orang ramai adalah kerana kegagalan kerajaan mengkaji punca sebenar kekurangan produk itu di pasaran.

"Kerajaan tidak tahu punca sebenar telur kurang, jadi menyebabkan mereka mengambil bermacam-macam langkah penyelesaian jangka pendek seperti membawa masuk telur import dari India yang sedang diserang wabak selesema burung, mencadangkan harga telur dipungkan, selain mencadangkan menaikkan harga bekalan protein itu," kata sumber itu.

Sedangkan menurut sumber, sejak Oktober lalu *Utusan Malaysia* secara konsisten melaporkan kekurangan bekalan telur sehingga 20 peratus di pasaran negara adalah disebabkan faktor penfer-



LANGKAH menaikkan harga telur bukan hanya menjejaskan imej kerajaan, malah bakal memberi kesan jangka panjang terhadap kebajikan rakyat.

nak mengalami kerugian. "Kerugian penernakan itu akibat kenaikan kos operasi, seterusnya mengurangkan populasi ayam induk ayam penelur.

"Macam ayam telur ini, tempoh pemeliharaannya sampai 70 minggu. Tapi bila mereka (penernakan ayam telur) sudah tanggung banyak kerugian, jadi mereka pencenkan awal ayam-ayam telur itu. Maknanya 55 minggu ke 60 minggu itu mereka hentikan pengeluaran, sebab tak mahu tanggung kerugian dengan terus memberi makan dedak dan sebagainya.

"Sebab, dalam tempoh 50 minggu ke atas, peratus pengeluaran telur itu memang menurun.

nuhnya oleh kerajaan. Yang dikawal harga telur di pasaran walaupun kenaikan kos di ladang perlu diteliti sama. Keputusan kerajaan memberi subsidi kepada penernakan bagi menampung kerugian kerana kawalan harga satu langkah yang baik.

"Cuma kadar subsidi perlu diteliti semula agar kadar yang diberikan benar-benar memban-tu penernakan dan bukan sekadar beri sedikit subsidi dan meng-harapkan impak pengeluaran yang besar," kata sumber.

Bagi menstabilkan semula bekalan dalam negara, sumber berkata, kerajaan juga disaran mengambil langkah menyekat eksport telur ayam negara ini ke Singapura.

"Untuk jangka masa singkat, mengurangkan eksport telur adalah langkah yang wajar. Apabila kita kurangkan eksport, bekalan dalam negara akan mula stabil," kata sumber.

RASMI KARTEL TELUR, AYAM

Sementara itu, satu sumber lain berkata, kerajaan tidak wajar tunduk kepada desakan kartel yang menguasai segenap ekosistem pengeluaran telur negara.

"Kartel-kartel industri ayam dan telur mereka mahu menyedut subsidi sampai kering. Sekali pun kerajaan menambatkan jumlah subsidi, kapasiti pengeluaran telur tidak akan dapat ditingkatkan dalam masa terdekat," ujarnya.

kan masalah kekurangan bekalan.

Mengulas cadangan itu, sumber berkata, kerajaan tidak harus mengguna pakai cadangan menaikkan harga telur tersebut sebaliknya perlu mengkaji punca dan mengetahui bahawa kekurangan bekalan telur itu adalah disebabkan kenaikan kos operasi industri telur ayam sehingga mengakibatkan tiada jalan penyelesaian yang efektif mampu ditawarkan kepada pen-ternak ayam penelur.

KAW SEMULA TAJACARA PENYALURAN SUBSIDY

"Sehingga sekarang punca kenaikan kos tidak dilihat sepe-



PEKERJA menyusun telur import dari India yang mulai dijual di pasaran. Gambar besar, Dr. Ameer.

Oleh Amir Abd Hamid dan Sri Ayu Kartika Amri am@hmetro.com.my

Kisah Lanjutan

Mydin Mohamed Bhd (Mydin) menegaskan tidak wujud monopoli telur ayam import dari India oleh rangkaian pemborong dan peruncit balai terbesar di Malaysia.

Pengarah Utusanya, Datuk Wira Dr. Ameer Ali Mydin berkata, mana-mana syarikat boleh mengimport telur ayam kerana Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) membuka permohonan terhadap mereka yang ingin berbuat demikian.

Katanya, Mydin sendiri diberi Lesen Import (AP) telur ayam oleh Mafi bagi membolehkan syarikat itu mengimport telur ayam dari India dan memenuhi permintaan pasaran domestik.

"Kita tak tahu syarikat mana lagi yang memohon AP telur ayam. Mydin memang sudah pun membawa masuk telur ayam import dari India dan sambutan daripada orang ramai menggalakan."

"Telur ayam import ini saya lihat lebih kepada alternatif untuk pembeli sekiranya telur ayam tempatan habis di pasaran dan barangnya pula mahal, namun rendah berbanding telur ayam Omega."

Namun, kita memang menggalakan orang ramai membeli telur ayam tempatan kerana harganya lebih murah. Sebagai contoh jika telur tempatan berharga 45 sen sebiji, telur import pula 50 sen sebiji," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, jika diberi pilihan, Mydin memilih memfokus menjual telur ayam tempatan saja kerana tidak mahu berdepan dengan prosedur rumit mengimport telur ayam.

"Fada pandangan saya, kerajaan tidak perlu mem-

Tiada monopoli telur ayam import

Mafi buka permohonan AP telur ayam kepada semua syarikat

ratus terhadap telur ayam import serta mengebarkan senarai negara import telur ayam selain India.

"Import telur ayam ini proses-nya, rumit kerana kos per-tinggi, kita perlu menggunakan kontena khas (5 kali mahal berbanding kontena biasa).

Telur juga mudah pecah dan tarikh luput telur juga

dan tarikh luput telur juga

dalam satu kotak (ada 360

biji," katanya.

Menurutnya, beliau juga pernah mencadangkan supaya hentakan sementara pengeksportan telur ayam bagi memastikan bekalan dalam pasaran tempatan mencukupi terlebih dahulu.

"Mydin sendiri tidak ma-

hu eksklusif (boleh import telur ayam) dan mahu kerajaan lebih telus kerana telur ayam ini penting serta menjadi bahan asas utama untuk pelbagai makanan,"

katanya.

“Import telur ayam ini prosesnya rumit kerana kos import lebih tinggi**”**
 Dr. Ameer Ali Mydin